



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 60
No. 16

3hb Ogos 2017

TAMBAHAN
No. 1

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN KEDAH

No. 524.

PERISYTIHARAN

MAJLIS MESYUARAT MENGANGKAT RAJA NEGERI KEDAH KEAHLIAN MENURUT PERKARA 6, 8, DAN 10 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN KEDAH

1. Pada menjalankan titah dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah di bawah Perkara 6, 8 dan 10 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah, Y.A.B. Menteri Besar telah memanggil mesyuarat Majlis Mengangkat Raja Negeri Kedah pada 15 April 2017 jam 10.00 pagi. Y.A.B. Menteri Besar sebagai Yang Dipertua Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja Negeri Kedah telah melantik Y.Bhg. Dato' Bijaya Indera Dato' Paduka Haji Syed Unan Mashri bin Syed Abdullah, D.H.M.S., D.G.M.K., D.S.D.K., P.J.N., J.M.N., S.D.K., P.A.T., B.M.S., A.M.K., B.C.K., B.P.L., J.P. sebagai Setiausaha Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja Negeri Kedah yang diadakan pada 15 April 2017, jam 10.00 pagi.
2. Pada menjalankan titah dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah di bawah Perkara 6, 8 dan 10 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja Negeri Kedah bagi meminda keahlian Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja Negeri Kedah, Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja Negeri Kedah bersetuju keahlian Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja Negeri Kedah menurut Perkara 10 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah yang telah diwartakan melalui *Warta* 620 bertarikh 13 Ogos 2015 dan 13 April 2017 dipinda seperti berikut:

1. Yang Dipertua
Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah Darul Aman;

2. enam (6) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang lelaki, Melayu dan beragama Islam yang dinamakan oleh Yang Dipertua;
3. pegawai-pegawai yang dilantik menurut Perkara 36 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah dan hendaklah beragama Islam;
4. empat orang laki-laki ahli Kerabat DiRaja Negeri Kedah menurut Perkara 10(c) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah seperti berikut:
 - (i) Yang Teramat Mulia Tunku Seri Indera Putra Tan Sri Dato' Seri Tunku Ahmad bin Tunku Yahya, S.S.D.K., P.S.M., J.M.N., J.S.D.;
 - (ii) Yang Teramat Mulia Tunku Seri Indera Setia Dato' Tunku Abdul Malek bin Tunku Kassim, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., A.M.K.;
 - (iii) Yang Teramat Mulia Dato' Seri Tunku Ahmad Nerang bin Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, S.S.D.K., D.S.D.K.; dan
 - (iv) Yang Teramat Mulia Dato' Haji Tengku Mahmood bin Tengku Zainol Abidin, D.S.D.K., B.M.S.; dan
5. lima (5) orang ahli laki-laki yang bukan ahli Kerabat DiRaja Negeri Kedah:
 - (i) Mufti Kerajaan Negeri Kedah;
 - (ii) Sohibul Fadhillah Y.Bhg. Dato' Setia Jaya Dato' Paduka Syeikh Hasbullah bin Haji Abdul Halim, D.H.M.S., D.S.D.K., B.C.K., J.P.;
 - (iii) Y.Bhg. Dato' Indera Senggara Dato' Paduka Haji Mohd Saad bin Endut, D.H.M.S., D.S.D.K., J.S.M., B.C.K., J.P.;
 - (iv) Y.Bhg. Dato' Bijaya Indera Dato' Paduka Haji Syed Unan Mashri bin Syed Abdullah, D.H.M.S., D.G.M.K., D.S.D.K., P.J.N., J.M.N., S.D.K., P.A.T., B.M.S., A.M.K., B.C.K., B.P.L., J.P.; dan
 - (v) Y.Bhg. Dato' Indera Setia Mahkota Dato' Wira Mohd Omar bin Haji Mohamed, D.G.M.K., D.S.D.K., J.M.N., B.C.K., B.P.L., P.J.K., J.P.

Bertarikh 2 Ogos 2017

[PUN(K) 100-1/2/1(9); PSU(K) SULIT 11-1393 Jld. 2(3)]

*Yang Dipertua
Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja Negeri Kedah
Dato' Seri DiRaja Ahmad Bashah bin Md Hanipah*

No. 525.

PERISYTIHARAN

MAJLIS MESYUARAT MENGANGKAT RAJA NEGERI KEDAH KEAHLIAN MENURUT
PERKARA 6, 8, DAN 10 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN KEDAH

1. Pada menjalankan titah dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah di bawah Perkara 6, 8 dan 10 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah, Y.A.B. Menteri Besar sebagai Yang Dipertua Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja Negeri Kedah telah melantik Y.B. Dato' Paduka Haji Bakar bin Din, D.H.M.S., D.S.D.K., P.J.N., A.M.K., B.C.K., B.P.L. sebagai Setiausaha Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja Negeri Kedah yang diadakan pada 15 April 2017, jam 11.00 pagi.
2. Pada menjalankan titah dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah di bawah Perkara 6, 8 dan 10 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah, ahli-ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja Negeri Kedah yang hadir dalam mesyuarat pada 15 April 2017, jam 11.00 pagi telah bersetuju seperti berikut:
 - (a) Yang Dipertua boleh melantik wakil ganti beliau bagi mempengerusikan mesyuarat sekiranya beliau tidak dapat menghadiri mesyuarat Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja menurut Perkara 11 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah;
 - (b) ahli boleh melantik ahli lain sebagai proksi bagi mengundi bagi pihaknya sekiranya beliau tidak dapat hadir ke mesyuarat Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja menurut Perkara 11 dan 14 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah;
 - (c) setiap undian yang dibuat adalah secara sulit, kecuali undian dibuat melalui mekanisme dalam perenggan (d), yang dinyatakan dalam kertas undi tanpa menyatakan nama ahli yang mengundi; dan
 - (d) sekiranya ahli tidak dapat hadir dan tidak melantik proksi, Yang Dipertua boleh menghubungi ahli tersebut secara panggilan video melalui telefon bimbit di hadapan ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja Negeri Kedah yang lain.

Bertarikh 2 Ogos 2017

[PUN(K) 100-1/2/1(9); PSU(K) SULIT 11-1393 Jld. 2(3)]

Yang Dipertua

*Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja Negeri Kedah
Dato' Seri DiRaja Ahmad Bashah bin Md Hanipah*

No. 526.

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960
(Akta 486)

LAND ACQUISITION ACT 1960
(Act 486)

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

(Section 8)

DECLARATION OF INTENDED ACQUISITION

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud berikut:

“Pengambilan Tanah di bawah perenggan 3(1)(b) Akta Pengambilan Tanah 1960 [*Akta 486*] untuk Tujuan Kemudahan Awam iaitu Kawasan Rehat dan Rawat di Seksyen 39, Bandar Kulim, Daerah Kulim, Kedah Darul Aman oleh Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim”.

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

“Land Acquisition under paragraph 3(1)(b) of the Land Acquisition Act 1960 [*Act 486*] for The Public Utility i.e. The Site of Rest and Recreation Area at Section 39, Bandar Kulim, District of Kulim, Kedah Darul Aman by Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim”.

2. A plan of the area specified may be inspected during the normal hours of business in the District Land Office of which such site and areas are situated.

JADUAL/SCHEDULE

Bandar—Kulim. Daerah—Kulim.

No. Lot Ukur/ Survey Lot No.	Hakmilik atau Pendudukan/ Title or Occupation	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan/ Registered Proprietor or Recorded Occupant	Keluasan Lot/ Area of Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil/ Approximate Area to be Acquired
	GRN		Hektar/ Hectares	Hektar/ Hectares
3569 Seksyen 39	152906	Loh Saw June 2/11 bhg., Loh Hock Jin 9/22 bhg. dan Loh Hock Joo 9/22 bhg.	175.3	2.0234

Bertarikh 5 Julai 2017

Dated 5 July 2017

[PSU(K) 603-1438; PTG/Ked./L/AM/01/2016(08A)]

RIZAWATI BINTI MOHAMAD @ RAMLI
*Ketua Penolong Pengarah Tanah dan Galian
 b.p. Pengarah Tanah dan Galian
 Kedah/
 Senior Assistant Director Land and Mine
 on Behalf of Land and Mines Director
 Kedah*

Hakeipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
 PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
 CAWANGAN ALOR SETAR
 BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

PNMB